



Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera/ Bukan Bumiputera yang berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **TETAP** di **Fakulti Pergigian, UiTM Kampus Sungai Buloh.**

#### JAWATAN AKADEMIK

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN
<b>KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>			
1.	PROFESOR / PROFESOR MADYA/ PENSYARAH PERGIGIAN	VK7/ VK6/ V5  DUG15/ DUG14  DUG13/ DUG13P	PENSYARAH PERGIGIAN

Nota :

Sila rujuk senarai Bidang yang ditawarkan bagi jawatan Pensyarah Pergigian/ Profesor Madya/ Profesor di bawah ini.

**Hanya permohonan daripada calon-calon yang memiliki kelayakan IJAZAH SARJANA MUDA/ SARJANA/ SARJANA KEPAKARAN ATAU/ DAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (Ph.D) dalam bidang kepakaran berkenaan sahaja yang akan diterima dan disenarai pendek.**

#### BIDANG YANG DITAWARKAN

FAKULTI	BIDANG
Fakulti Pergigian	<i>Orthodontics</i>
	<i>Oral &amp; Maxilofacial Surgery</i>
	<i>Dental Public Health</i>
	<i>Oral Pathology &amp; Oral Medicine</i>
	<i>Special Care Dentistry</i>

## **SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DUG13P**

- (c)
  - (i) Ijazah Sarjana Muda Pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia; dan
  - (ii) Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG13P: RM4,430.00)

### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DUG13**

- (d)
  - (i) **Ijazah Sarjana Muda Pergigian dan Ijazah Sarjana** dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG13: RM6,210.00); atau
  - (ii) **Ijazah Sarjana Muda Pergigian dan kelayakan kepakaran** dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG13: RM6,210.00); atau
  - (iii) **Ijazah Sarjana Muda Pergigian dan Ijazah Kedoktoran** dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG13: RM6,210.00); DAN**
  - (iv) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan.

### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DUG14 (PROFESOR MADYA)**

- (e)
  - (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(d);
  - (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;
  - (iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
  - (iv) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(e)(ii).

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG14: RM6,560.00)

### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DUG15 (PROFESOR MADYA)**

- (f)
  - (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(d);
  - (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;
  - (iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
  - (iv) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(f)(ii).

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG15: RM7,030.00)

### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)**

- (g) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(d);  
(ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;  
(iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan  
(iv) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(g)(ii).
- (Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,990.00).

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024)

## CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA yang boleh diperoleh dengan melayari laman web rasmi Fakulti Pergigian, UiTM di [www.dentistry.uitm.edu.my](http://www.dentistry.uitm.edu.my)
2. Seorang pemohon hanya boleh memohon **SATU jawatan dan bidang** yang diiklankan sahaja.
3. Pemohon hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
4. Permohonan dari kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan atau Agensi Separa Kerajaan MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN dan hendaklah disertakan dengan SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMAS KINI. Permohonan yang tidak melalui majikan tidak akan diproses dan dianggap tidak berjaya.
5. Setiap permohonan MESTILAH disertai dengan SALINAN CETAK dokumen berikut yang telah DISAHKAN BENAR DARIPADA SALINAN ASAL:
  - i) Kad Pengenalan;
  - ii) Sijil SPM/ MCE, HSC/ STPM atau setaraf;
  - iii) Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Trankskrip Akademik Terperinci);
  - iv) Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA);
  - v) Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/ terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja/ penetapan gaji; dan
  - vi) Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini (bagi kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan atau Agensi Separa Kerajaan).
6. Pemohon-pemohon berkelayakan **Ijazah Sarjana/ Sarjana Kepakaran** hendaklah memiliki **CGPA 3.00 ke atas/ Kelas Kedua Tinggi/ Mumtaz/ Jayyid Jiddan atau yang setaraf di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana**. (Pengecualian bagi pemohon yang telah memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah [Ph.D] atau setara)
7. Nama bidang dan jawatan yang dipohon hendaklah dinyatakan di **penjuru atas sebelah kiri sampul surat** permohonan.
8. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan dianggap tidak berjaya.
9. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
10. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan **selepas enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN IALAH PADA HARI SABTU, 25 JANUARI 2025.**

Permohonan yang telah lengkap hendaklah dialamatkan kepada:-

**DEKAN  
FAKULTI PERGIGIAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR  
KAMPUS SUNGAI BULOH  
JALAN HOSPITAL  
47000 SUNGAI BULOH  
SELANGOR**